



Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 "Saya menyeru kepada semua _____ agar sentiasa memperlihatkan semangat patriotik yang tinggi setiap masa," kata juruhebah itu.
A peminat
B pembaca
C penonton
D pendengar
- 2 Kebanyakan penonton meminati rancangan televisyen di stesen itu kerana stesen itu sering menyiarkan berita _____ secara langsung.
A terbaik
B menarik
C mutakhir
D tercanggih

Soalan 3

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 3 Perjanjian kerjasama ekonomi antara _____
kedua-dua buah negara yang berjiran itu
akan _____ pada minggu depan.
Tiada kesalahan.

Soalan 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 4 I Penglipur lara itu bijak merentangkan cerita sehingga ramai pendengar tertarik pada cerita yang disampaikan.
II Pihak sekolah membawa murid tingkatan tiga ke kawasan peranginan tanah tinggi bagi merentangkan jiwa setelah selesai peperiksaan.
III Pelajar yang nakal itu telah merentangkan kaki semasa rakannya lalu di hadapannya.
IV Pak Nordin merentangkan jaringnya di laut itu.
A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C III dan IV sahaja
D I, III dan IV sahaja

Soalan 5

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 5 Tuan Haji Mahzan berpesan kepada anaknya supaya menjaga diri apabila berada di luar negara dan menghormati adat resam di tempat tersebut. Pernyataan di atas bertepatan dengan peribahasa
A sekali air bah sekali pantai berubah.
B di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
C di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
D hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri.